

Galak pengusahaan baharu kenaf

Kilang pemprosesan di Setiu buka lebih banyak ruang pendapatan kepada petani

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Penanam kenaf dijangka meningkat kepada 3,000 orang tahun hadapan daripada 1,500 orang ketika ini selepas kilang kenaf di Setiu, Terengganu beroperasi.

Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, peningkatan tersebut berdasarkan kemampuan kilang bernilai RM25 juta itu yang mampu mengeluarkan 2,000 tan metrik fiber kenaf sebulan.

Menurutnya, kilang yang akan mula beroperasi Disember nanti bakal membuka ruang pekerjaan



Shamsul Iskandar (dua, kiri) melihat kenaf yang diproses di kilang pemprosesan di Kampung Air Tawar, semalam.

dan pendapatan kepada petani. "Setakat ini hanya terdapat dua pusat pemprosesan batang kenaf bagi pengeluaran fiber iaitu di Pasir Puteh dan Rompin.

"Kapasiti kilang-kilang itu adalah 12,000 tan batang kenaf

setahun yang membabitkan tanaman seluas 600 hektar," katanya pada sidang media selepas melawat kilang pemprosesan kenaf di Kampung Air Tawar dekat sini, semalam.

Shamsul Iskandar berkata, hasil

pengeluaran bagi setiap pusat itu mencecah RM2 juta setahun.

Katanya, bagi merancarkan lagi penanaman kenaf, kementerian akan mengkaji pendekatan berkesan untuk melibatkan golongan muda menggunakan tanaman

info

Kementerian akan mengkaji pendekatan berkesan untuk melibatkan golongan muda menggunakan tanaman kenaf secara produktif.

tersebut secara produktif.

"Kita juga akan memberi galakan kepada pengusaha tanaman kelapa sawit untuk menjadikan kenaf sebagai sumber pendapatan sampingan iaitu untuk tempoh 45 hingga 90 hari setahun," katanya.

Berhubung kejatuhan harga getah, beliau berkata, kerajaan akan menyalurkan bantuan dalam bentuk input pertanian dan memberigalakan kepada pekebun untuk mengusahakan juga tanaman jangka pendek yang menguntungkan.

"Kita sedar harga getah merudum sejak kebelakangan ini, tapi kita mempunyai perancangan dalam mengatasi masalah yang dihadapi pekebun getah," katanya.